

# Kaum Cina berjaya kerana sentiasa dahagakan ilmu

UM 13/1/03

KAMPAR 12 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad percaya kaum Cina di negara ini berjaya dalam pelbagai bidang yang mereka ceburi termasuk perniagaan kerana mereka sentiasa dahagakan pendidikan dan ilmu pengetahuan.

Perdana Menteri ketika mendedahkan rahsia kejayaan kaum Cina itu berkata, disebabkan mereka sentiasa berusaha mencari ilmu pengetahuan walau di mana berada menyebabkan mereka menguasai bidang perindustrian dan sekali gus membantu membangunkan ekonomi negara.

"Saya dimaklumkan seramai 250,000 rakyat China belajar di luar negara kerana sifat mereka yang dahagakan ilmu.

"Bagi kaum Cina di Malaysia mereka bertuah kerana mereka boleh menuntut ilmu dalam pelbagai bidang di dalam negara," katanya semasa berucap pada Majlis Meletakkan Batu Asas Pembinaan Kampus Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) di sini hari ini.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol

Rosli Ghazali dan Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik.

Dr. Mahathir memberitahu bahawa kerajaan begitu fleksibel dalam mengendalikan sistem pendidikan di Malaysia yang sebelum ini menghadkan kepada universiti awam yang dikendalikan oleh kerajaan sahaja.

Bagaimanapun, katanya, disebabkan permintaan yang tinggi dan ramai pelajar yang terpaksa dihantar ke luar negara untuk belajar, kerajaan membenarkan program berkembar dengan universiti luar negara diadakan.

## Pertumbuhan

"Kini kerajaan membenarkan universiti swasta ditubuhkan. Oleh itu semua pelajar mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran dengan kos yang lebih rendah," katanya.

Sehingga kini, menurut beliau, sebanyak 17 buah universiti awam dan 17 universiti swasta telah ditubuhkan dan UTAR ialah hasil daripada pertumbuhan pesat sektor pendidikan di negara ini setelah kejayaan MCA menubuhkan Kolej Tunku Abdul Rahman.

Perdana Menteri juga gembira kerana rakyat negara ini terutama dari kaum Cina telah bermurah hati untuk menyumbang kepada pembinaan UTAR.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan juga akan memberi bantuan kepada UTAR dengan memberikan geran yang akan ditentukan jumlahnya kemudian.

Beliau berharap universiti itu yang ditubuhkan tahun lalu itu mampu melahirkan graduan yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara terutama dalam bidang sains dan matematik.

Perdana Menteri dalam ucapannya juga berkata, Malaysia menjadi sebuah negara yang aman kerana rakyatnya bersikap sederhana dan sensitif kepada perasaan kaum lain.

Katanya, rakyat Malaysia menolak ekstremisme dan bersedia berkorban demi perpaduan kaum serta pembangunan negara.

"Sebagai contoh walaupun Universiti Tunku Abdul Rahman dimiliki oleh masyarakat Cina, tetapi peluang turut diberi kepada kaum lain juga," ujarnya.

Perdana Menteri menegaskan bahawa keamanan

amat penting bagi negara ini ketika dunia berdepan dengan pelbagai masalah dan kekacauan berpunca daripada serangan penganas yang menimbulkan ketegangan di antara kaum dan agama terutama Islam dengan bukan Islam.

Semua rakyat Malaysia, katanya, telah menerima hakikat bahawa negara ini adalah sebuah negara yang didiami oleh pelbagai kaum.

Lantaran itu, kata Dr. Mahathir, mereka bersedia untuk hidup bersama dan tidak mahu melihat negara ini dihancurkan oleh rusuhan kaum.

"Bagaimanapun keamanan semata-mata tidak mencukupi untuk memajukan sebuah negara kerana ia memerlukan kemahiran dan ilmu pengetahuan," tegasnya lagi.

Dalam ucapan itu Perdana Menteri turut memberi jaminan bahawa beliau akan kekal sebagai ahli UMNO dan Barisan Nasional walaupun telah bersara.

Dr. Mahathir berkata, beliau akan membantu penggantinya, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.